



## **KERTAS KERJA UNTUK PROGRAM MINGGU AKADEMIK SEKOLAH KEBANGSAAN (P) PUDU SATU**

### **1.0 PENDAHULUAN**

Program ini adalah satu program yang dianjurkan bersama oleh Pusat Sumber bersama dengan panitia-panitia SK (P) Pudu Satu. Ia merupakan satu program tahunan sekolah. Program ini bertujuan untuk menarik minat pelajar SK (P) Pudu Satu terhadap mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Kemahiran Hidup, Reka Bentuk & Teknologi, Muzik dan Pendidikan Islam/Moral. Program-program yang telah dirancang mampu memberi perangsang kepada pelajar SK (P) Pudu Satu supaya minat terhadap mata pelajaran terlibat dan dapat melahirkan pelajar yang berketerampilan, kreatif dan inovatif.

### **2.0 MATLAMAT**

- 2.1 Menarik minat para pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Kemahiran Hidup, Reka Bentuk & Teknologi, Muzik dan Pendidikan Islam/Moral dan melahirkan pelajar yang bermotivasi tinggi.
- 2.2 Mengisi waktu lapang dengan aktiviti yang bermanfaat dan berfaedah.
- 2.3 Untuk meningkatkan pencapaian akademik dan seterusnya mencapai target yang telah ditetapkan.
- 2.4 Untuk melahirkan pelajar yang kompeten dalam semua bidang, inovatif dan kreatif selaras dengan hasrat PIPP, teras kedua iaitu melahirkan modal insan yang berdaya saing tinggi.

- 2.5 Untuk melahirkan pelajar yang bersatu padu melalui pertandingan atau permainan secara berkumpulan yang terdiri daripada pelbagai kaum selaras dengan hasrat negara iaitu konsep "1 Malaysia".

### 3.0 OBJEKTIF PROGRAM

- 3.1 Untuk meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Kemahiran Hidup, Reka Bentuk & Teknologi, Muzik dan Pendidikan Islam/Moral.
- 3.2 Meningkatkan motivasi pelajar supaya minat untuk belajar.
- 3.3 Untuk melahirkan para pelajar yang kreatif dan inovatif.
- 3.4 Untuk meningkatkan pencapaian akademik bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Kemahiran Hidup, Reka Bentuk & Teknologi, Muzik dan Pendidikan Islam/Moral dan seterusnya mencapai target yang telah ditetapkan.

### 4.0 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran bagi program ini adalah semua pelajar dan warga pendidik SK (P) Pudu Satu.

### 5.0 TARIKH PELAKSANAAN

Tarikh : 29 September hingga 2 Oktober, 2015

Hari : Selasa hingga Jumaat

Tempat : SK (P) Pudu Satu

### 6.0 JADUAL PELAKSANAAN

**JADUAL PELAKSANAAN PROGRAM SEMPENA MINGGU AKADEMIK**

<b>BIL</b>	<b>TARIKH</b>	<b>AKTIVITI/PERTANDINGAN</b>	<b>SASARAN</b>
1.	29.09.2015 <b>SELASA</b>	BM Kembara Bahasa	Tahap 1
		Kembara Bahasa	Tahap 2
		BI Find hidden objects and label	Tahap 1
		Crossword puzzle & spelling bee competition	Tahap 2
2.	30.09.2015 <b>RABU</b>	MT Permainan berstesyen Sudoku & Math Bee	Tahap 1
			Tahap 2
		SN, TMK Mari Bereksperimen	
		Menaip & Menghasilkan data	Tahap 1
		Tahap 2	
3.	1.10.2015 <b>KHAMIS</b>	KH / RBT Mewarna	Tahap 1
		Membina menara & jambatan	Tahap 2
4.	2.10.2015 <b>JUMAAT</b>	MUZIK Pertandingan nyanyian dan gerakan	Tahap 1
			Tahap 2
		PIM PM – Pertandingan penerapan nilai murni	Tahap 1
		PI – Mahir jawi	Tahap 2

## 7.0 ANGGARAN PERBELANJAAN

Tarikh	Aktiviti	Perkara	Kos (RM)
29/9 ( Selasa )	Program Panitia BM	Kembara Bahasa	50.00
	Program Panitia BI	Hidden Objects, Crossword Puzzle & Spelling Bee Competition	50.00
30/9 (Rabu)	Program Panitia MT	Permainan Berstesyen, Sudoku, Math Bee	50.00
	Program Panitia SN	Mari Bereksperimen	50.00
	Program Panitia TMK	Menaip dan menghasilkan data	50.00
1/10 (Khamis)	Program Panitia KH/RBT	Membina Menara dan Jambatan	50.00
2/10 (Jumaat)	Program Panitia Muzik	Pertandingan Nyanyian & Gerakan	50.00
	Program Panitia PIM	Pertandingan Penerapan Nilai Murni & Mahir Jawi	50.00
<b>Jumlah</b>			<b>RM 400.00</b>

## 8.0 JAWATANKUASA PROGRAM

**PENGERUSI**

PN.SUAMAH BT BASIR

*(Guru Besar)*

**NAIB PENERUSI**

EN. ROSNI BT OTHMAN

*(GPK Tadbir & Kurikulum)*

PN. NORUL'AIN BT MOHD YUSOF

*(GPK Hal Ehwal Murid)*

PN. SIVASAKTHI A/P PACKIRISAMY

*(GPK Kokurikulum)*

**PENYELARAS**

PN. FATIN FARHANA BT HAMAM

*(Guru Perpustakaan & Media)*

**SETIAUSAHA**

PN. HAFISYOH BT MAT ISA

*(KP Panitia Bahasa Melayu )*

**AJK**

Semua guru dari Panitia-panitia yang terlibat

Segala program yang dirancang adalah untuk mencapai objektif yang telah dikemukakan. Sesungguhnya kejayaan Minggu Akademik 2015 peringkat sekolah yang dirancang ini bergantung kepada sikap serta komitmen yang positif daripada semua pihak yang terlibat. Konsep permuafakatan menjadi tunjang ke arah kejayaan program ini. Semoga semua perancangan yang diatur mendapat pertimbangan dan kelulusan pihak puan.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,

(FATIN FARHANA BT HAMAM )  
Guru Perpustakaan Media

Diluluskan oleh,

(PN. SUAMAH BT BASIR)  
Guru Besar SK (P) Pudu Satu